



BANGGA... kumpulan nasyid Usim unggul dalam semua kategori.

Usim unggul di Festival Nasyid

KUMPULAN Nasyid Interaksee Urusetia Kesenian Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia sekali lagi membuktikan pencapaian hebat mereka apabila berjaya menggondol semua hadiah ditawarkan dalam Festival Nasyid Universiti (Fenu) yang dianjurkan Universiti Teknologi Mara, baru-baru ini.

Program yang berlangsung dengan jayanya itu ternyata memberi seribu kenangan manis kepada kumpulan berkenaan kerana berjaya merangkul Johan Keseluruhan Fenu 2011, Vokal Terbaik melalui suara merdu Mohd Juhairee Mohd Junaidie Khan dan Persembahan Terbaik.

Mereka turut mempertahankan kejuaraan yang dimenangi dalam Fenu 2010 lalu.

Bersandarkan dua lagu ciptaan sendiri, Interaksee berjaya memukau barisan juri dan hampir 1,000 penonton dengan alunan lagu berjudul Bangkitlah, karya mahasiswa Usim iaitu Muhammad Shukri Sahari dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Ia adalah pendekatan kreatif melalui penggunaan bahasa Loghat Kelantan yang unik manakala lagu kedua Seperti Inikah Dunia menggunakan konsep teaterikal dalam persembahan pentas karya Pegawai Kebudayaan Usim, Ismail Ahmed dan liriknya oleh

pelajar sarjana Usim, Ahmad Faiz Abdul Aziz.

Ismail berkata, pencapaian yang diraih di luar dugaan kerana mereka bukan saja berdepan persaingan hebat, malah ditentang kumpulan nasyid hebat.

"Bagaimanapun, saya kagum dengan semangat mereka yang sungguh luar biasa biarpun pesaingannya hebat. Pencapaian ini bukan saja melakar sejarah baru, malah satu kebanggaan kepada Usim.

"Diharap pada masa akan datang, mereka mampu mempertahankannya, sekali gus menjadikan nama kumpulan nasyid Usim terus disegani," katanya.